

# **Kearifan Tempatan: Pemugaran dan Pelestarian**

Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar

Ombudsman, Universiti Sains Malaysia

Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka

## **Mukadimah**

Di zaman kolonial kearifan tempatan (*local knowledge*) di seluruh dunia dipandang hina, dipinggirkan, malah banyak yang dimusnahkan. Bahasa dan ilmu rumpun Melayu, umpamanya, diremehkan dan dipinggirkan. Orangnya dianggap malas dan diperbodohkan. Karya *Sulalat al-Salatin* dianggap “a hodge-podge of tales and stories.”

Bersama penjajahan Barat, ilmu Barat menjadi dominan dan hegemonik.

Selepas penjajahan kearifan tempatan kembali bernafas. Tapi kini dalam dunia digital yang membolehkan manusia pantas berinteraksi, dan dalam proses globalisasi yang sehalu sifatnya, ilmu Barat ditonjolkan semula. Ia pantas dikembangkan sebagai ilmu global (*global knowledge*) yang mendominasi semua yang lain. Ia membawa bersamanya proses homogenisasi budaya yang bersifat imperial. Justeru, kearifan tempatan kembali terancam (Holmes & Crossley, 2004).

Sebelum dimusnahkan oleh imperialism ilmu, kearifan tempatan wajib segera diselamatkan. Kewajipan ini terletak pada bahu bangsa atau masyarakat pewarisnya sendiri. Untuk itu ia perlu direkayasa dan dilestarikan – dikonsepsi dengan baik, diselidiki dan dipulihara dengan sempurna, dimanfaatkan dalam sastera semasa dan disebar dengan cara yang berkesan. Terpenting sekali ia perlu diintegrasikan dalam sistem pendidikan sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Usaha merekayasa (*engineering*) ini tentulah tidak boleh dilaksanakan secara sambil lewa oleh individu atau persatuan. Ia kewajipan yang perlu dipikul oleh institusi ilmu yang tertinggi di negara berkenaan – institusi pengajian tinggi dengan para sarjananya.

## **Apakah Kearifan Tempatan?**

Kearifan tempatan perlu dikonsepsi dan difahami dengan betul. Ia adalah suatu khazanah pelbagai ilmu pengetahuan kepunyaan sesuatu bangsa atau masyarakat, yang dibina zaman berzaman, untuk strategi kehidupan dan bagi kelangsungan hayat bangsa berkenaan. Semua bangsa atau masyarakat dan komuniti, di desa atau kota, mempunyai kearifan tempatan masing-masing. Ia sebahagian daripada kehidupan mereka dan serasi dengan seluruh ekosistem masyarakat atau bangsa berkenaan. Dalamnya terdapat kepakaran, kemahiran, strategi, malah teknologi.

Kearifan tempatan ialah korpus ilmu berasaskan pengalaman dan pemerhatian zahir dan batin. Kegunaan atau kesahihannya telah diuji zaman berzaman; justeru ia bersesuaian dengan ekosistem sosio-budaya, alam dan persekitaran setempat.

Kearifan tempatan didokong oleh masyarakat dan individu; tersemat di dalam kepercayaan dan upacara, pemikiran, bahasa dan sastera, amalan hidup harian, bentuk seni budaya, artifek, institusi, dan adat-istiadat. Pada masa yang sama, ia dinamik dan boleh berinteraksi dan berubah mengikut kesesuaian. Malah, ia boleh diadaptasi di tempat lain dan menyumbang kepada ilmu di tempat berkenaan.

Konsep kearifan tempatan berkait dengan, tetapi berbeza sedikit daripada, konsep kearifan pribumi (*indigenous knowledge*) maupun konsep kearifan tradisional (*traditional knowledge*). Konsep kearifan pribumi terhad kepada penduduk pribumi tertentu; tidak meliputi pendatang dan ilmu yang diserap masuk, serta ada konotasi/implikasi politik/perundangan (Antweiler 1998; Sillitoe 1998).

Pada konsep kearifan tradisional pula wujud konotasi masyarakat yang statik, tidak dinamik, dan ini kurang menyenangkan.

Kearifan tempatan agak bebas daripada konotasi-konotasi demikian.

## **Sifat dan Tipologi Kearifan Tempatan**

Dari segi epistemologi, kearifan tempatan ialah sistem ilmu yang menyeluruh, dan kait mengait. Ia meliputi semua bidang kehidupan sesebuah bangsa atau masyarakat; masing-

masing dengan cara janaan, simpanan, aplikasi dan transmisi yang tersendiri. Tapi, semuanya diperolehi secara hidup; dgn kepekaan terhadap proses, detail dan set perhubungan subjektif/kualitatif (sesama manusia dan dengan alam). Justeru, kearifan tempatan tidak bersifat generik dan abstrak seperti ilmu global yang dipaksa dari luar.

Dari segi ontologi, kearifan tempatan hidup, organik, bertingkat-tingkat, daripada yang tinggi/eksklusif dan bersifat rohani/esoterik sampai kepada yang rendah/inklusif dan bersifat empirikal atau terbuka.

Umumnya, tiap bidang ilmu berkait dengan umur, gender, pekerjaan dan kedudukan dalam masyarakat, serta melibatkan pengetahuan dan kemahiran. Justeru, dalam khazanah kearifan tempatan wujud beberapa jenis atau komponen dengan pemilikan, kegunaan dan transmisi yang berbeza, iaitu: kearifan khusus-rahsia (*secret/spiritual-specialized knowledge*); kearifan khusus (*specialized knowledge*); kearifan kongsian (*shared knowledge*); kearifan bersama/umum (*common knowledge*).

#### **i. Kearifan Khusus-rahsia**

Kearifan khusus-rahsia dimiliki secara eksklusif oleh beberapa individu dengan fungsi tertentu sahaja, seperti pawang/bomoh/dukun/manang, dan dalang. Mungkin juga bidan, mudim dan mak andam. Ilmunya bersifat esoterik dan formulaik dan diperolehi melalui penuntutan/perantisan dan upacara

#### **ii. Kearifan Khusus**

Kearifan khusus dimiliki oleh lebih banyak individu, seperti pandai (emas/perak/tembaga), tukang (rumah/ukir/perahu /cerita), pembuat (batik, songket, jamu dll), juragan/nakhoda, pengamal ubatan dll. Ilmu diperolehi melalui pemerhatian, perantisan dan pengasahan kemahiran.

#### **iii. Kearifan Kongsian**

Kearifan kongsian ialah kearifan yang dikongsi oleh kumpulan-kumpulan orang yang jauh lebih ramai dan berkait dengan pekerjaan kelompok masing-masing, umpamanya penghulu/tuai rumah, penternak, pesawah/peladang, nelayan dan pedagang. Ilmu diperolehi melalui pemerhatian dan pengalaman.

#### **vi. Kearifan Umum/bersama**

Kearifan bersama/umum diwarisi semua anggota masyarakat atau anak bangsa, seperti ilmu dan kemahiran yg berkaitan dengan bahasa, makanan harian, pakaian, rekreasi, amalan kekeluargaan & interaksi sosial dll. Contohnya, semua orang Tagalog tahu pepatah ini: *Ang hindi marunong magmahal sa sariling wika, ay mahigit pa sa mabaho at malansang isda*. Artinya, “Orang yang tidak cintakan bahasa ibundanya lebih jelik baunya daripada ikan yang busuk”.

### **Kepentingan Kearifan Tempatan**

Kearifan tempatan ialah khazanah yang dapat menawar idea, strategi dan peluang untuk menjamin kepelbagaian dan kelestarian sumber alam dan kehidupan mahusia. Kearifan tempatan menjamin jati diri kepada sesuatu bangsa /masyarakat.

Daripada kearifan tempatan dapat dijana ilmu baru. Ini kerana kearifan tempatan bukan sekadar muzium tradisi. Ia sebenarnya bengkel tempat penjanaan ilmu baru, iaitu ilmu kontemporari yang dijana dari dalam [*endogenously*] (Wisner, 2009).

Kearifan tempatan berpotensi untuk membuat pantulan global (*global trajectory*). Umpamanya, “nasi goreng” hasil kearifan kulineri alam Melayu telah dijadikan makanan harian orang Belanda. Begitulah juga, daripada konsep “pasar malam” di alam Melayu timbul “Pasar Malam Besar”, iaitu acara tahunan nasional di The Hague, Belanda .

Lebih hebat lagi, pada abad ke-19 sebuah pantun berkait Melayu telah mengilhamkan genre *pantoun* dalam kesusasteraan moden di Eropah. Pantun asalnya ialah:

Kupu-kupu terbang melintang,  
Terbang di laut di hujung karang,  
Hati di dalam menaruh bimbang,  
Dari dahulu sampai sekarang

Terbang di laut di hujung karang,  
Burung nasar terbang ke Bandan,  
Dari dahulu sampai sekarang,  
Banyak muda sudah kupandang

Burung nasar terbang ke Bendang  
    Bulunya lagi jatuh ke Patani  
Banyak muda sudah kupandang  
    Tiada sama mudaku ini.

Bulunya jatuh ke Patani  
    Dua puluh anak marpati  
Tiada sama mudaku ini  
    Sungguh pandai membujuk hati.

Pantun berkait ini telah menarik minat banyak penyair besar lantas mengilhamkan genre *pantoum* di Perancis. Dari negara itu ia terus merebak ke seluruh Eropah (Md Salleh Yaapar, 2007). Antara pengamalnya ialah penyair agong Charles Baudelaire dengan puisi tersohornya “*Harmonie du Soir*” (Evening Harmony). Berikut ialah puisinya dalam terjemahan Inggeris:

Now every flower stem swings a censer chain,  
    And every flower gives incense to the night;  
Sounds perfumes circles in the evening light;  
    Turning in languorous waltz, again, again!

And every flower gives incense to the night,  
    The violin trembles like a soul in pain;  
Round goes the languorous waltz, again, again!  
    The sky is like an altar, vast and bright.

The violin trembles like a soul in pain,  
    A sorrowing soul that fears the unknown night!

The sky is like an altar, vast and bright;

In its own darkening blood the sun lies slain.

A sorrowing soul that fears the unknown night,

Draws from the shining past what dreams remain!

Though in its own darkening blood the sun lies slain...

Your memory, like a monstrance, brings me light!

Genre *pantoun* kekal di Eropah dan Amerika hingga sekarang. Inilah sumbangan agong dan abadi kearifan Melayu dalam bentuk sastera kepada dunia!

### **Pemuliharaan, Pengimarah & Pelastarian Kearifan Tempatan**

Pemuliharaan kearifan tempatan mesti bermula dengan penyelidikan. Untuk penyelidikan, boleh digunakan kaedah-kaedah antropologi, etnografi, sastera, etnobotani dll. Boleh memanfaatkan pendekatan emik (*emic*), yang melibatkan orang dalam, dan pendekatan etik (*etic*) iaitu pemerhatian dari luar. Yang penting, jadikan sebanyak mungkin ahli masyarakat itu sendiri peserta aktif dalam pemuliharaan dan pelestarian; bukan sekadar pemberi maklumat dan pembekal data.

Tidak mudah memulihara, mengimarah dan melestarikan kearifan tempatan. Sebaliknya, ia mudah dimusnahkan oleh ilmu global. Ilmu global ada governan ilmu (*knowledge governance*) yang canggih dan mesin epistemik yang perkasa dalam akademia di seluruh dunia, lengkap dengan pasukan penyelidik, pensyarah, penerbitan dan pangkalan data milik institusi ilmiah dan komersial (ScienceDirect, ISI, Scopus, EBSCOhost, dll).

### **Langkah-langkah Pengimarah dan Pelastarian Kearifan Tempatan**

Untuk memulihara, mengimarah dan melestarikan secara berkesan, kearifan tempatan perlulah dijadikan sebuah disiplin ilmu yang berwibawa dalam institusi pengajian tinggi, lengkap dengan asas-asas teori, metodologi dan pedagogi.

Seterusnya, perlulah diwujudkan governan ilmu dan mesin epistemik pada peringkat yang tinggi. Ertinya, perlu diwujudkan institusi penyelidikan dalam akademia – lengkap dengan geran (dalam dan luar), kemudahan, peralatan, pangkalan data, dan terpenting sumber manusia untuk penyelidikan lapangan, penerbitan dan pengajaran.

Di Malaysia, kearifan tempatan merupakan disiplin ilmu yang agak muda. Maka institusi-institusi yg menjadi juaranya (*champion*) perlu mengusahakan pelbagai inisiatif. Antaranya ialah mengadakan penyelidikan dan persidangan. Inilah yang dilakukan, umpamanya, oleh Universiti Sains Malaysia. Sekretariat Kearifan Tempatan USM telah anjurkan persidangan serantau pada tahun 2011, 2012 dan hujung tahun ini.

Selain itu, perlu kita mencari banyak rakan institusi dgn membina jaringan pada peringkat serantau dan antarabangsa. Ini bolehlah diusahakan dengan memberi penekanan pada keseluruhan aspek pengajian atau aspek-aspek tertentu seperti pembinaan pangkalan data digital dan perkongsian maklumat.

Di Filipina, ini telah diusahakan oleh Miriam College. Ia membina Asian University Digital Resource Network (AUDRN) dalam kearifan tempatan. Namun, perkongsiannya terhad kepada institusi pengajian tinggi Catholic di Asia Tenggara. Untuk Malaysia, elok kita wujudkan jaringan yang lebih terbuka.

Selain itu, perlu segera dibina inventori digital kearifan tempatan untuk rumpun Melayu atau masyarakat Malaysia dalam pelbagai bidang ilmu. Inventori ini perlu juga diterbitkan dalam bentuk ensiklopedia atau buku-buku lain.

### **Kearifan Tempatan dan Sastera di Borneo**

Pulau Borneo --yang dikongsi tiga negara, dan meliputi Sarawak, Sabah, Brunei serta Kalimantan -- amat kaya dengan kearifan tempatan. Ini termasuk komponen sasteranya. Sastera lisannya telah banyak dikutip dan diterbitkan, antaranya oleh Borneo Literature Bureau, *Sarawak Museum Journal* dan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Sebahagiannya telah diungkap semula dalam bentuk buku atau dirujuk dalam menghasilkan karya sastera baru atau teater dan filem.

Ini termasuklah karya *Keling Nyumpit* (Keling Menyumpit) oleh Geogre Janang, terbitan Borneo Literature Bureau, 1967. Karya lain ialah “Kumang anak Raja Langit”

(2011), teater oleh kumpulan dari Universiti Malaysia Sarawak. Dalam ‘jerita tuai’ (cerita rakyat) Iban, Kumang ialah puteri dari langit yang turun ke bumi dan berkahwin dengan wira perkasa bernama Keling. Konflik timbul apabila bekas tunangnya turun ke bumi untuk merebut sang puteri kembali.

Sebuah karya lagi ialah “Saloi the Movie”, satu adaptasi dari cerita rakyat yg tersohor “Apai Saloi”. Dalam cerita rakyat Iban, Apai Saloi ialah lelaki pemalas dan pendek akal. Isterinya Enchelegit cantik dan bijaksana. Apai Saloi selalu diperkena oleh lelaki yang bernama Ensering, tetapi lucunya Ensering sendiri yang sering terkena.

Selain yang tersebut, banyak lagi yang belum dipugar dan dilestarikan. Umpamanya, cerita Puteri Santubong. Ia telah dijadikan nyanyian yang indah. Sebuah filem tentangnya telah diterbitkan oleh KRU Studio pada tahun 2010. Namun, kisah Santubong belum diselidiki sepenuhnya, dan belum dijadikan sebuah novel. Saya dengar ada pula Raja Santubong, seorang tokoh sejarah yang dikaitkan dengan Brunei dan beberapa kerajaan di Utara Semenanjung.

Justeru, amatlah penting cerita ini dan cerita-cerita lain, dipugar dan dihidupkan dalam sastera semasa. Ini termasuk kisah gerhana dari “Syair Rakis” karya tahun 1840an oleh Pengiran Shahbandar Pengiran Md Salleh dari Brunei.

Juga jangan dilupa kisah kearifan tokoh-tokoh sejarah kuno, seperti 30 orang wanita Ma’anyan dari Lembah Barito yang berlayar hingga ke Madagaskar 1,200 tahun lalu.

## **Khatimah**

Kearifan tempatan ialah khazanah pelbagai ilmu pengetahuan kepunyaan sesuatu bangsa atau masyarakat; penting untuk strategi kehidupan, pengekalan jati diri dan kelangsungan hayat bangsa berkenaan. Sebelum dimusnahkan oleh imperialisme ilmu, kearifan tempatan wajib segera diselamatkan. Ini perlu dilaksanakan oleh organisasi ilmiah di institusi pengajian tinggi dan yang seumpamanya.

Kearifan tempatan merupakan sistem ilmu yang menyeluruh dan bersepadu, meliputi kearifan khusus-rahsia/rohani; kearifan khusus; kearifan kongsian; dan kearifan bersama/umum.



Kearifan tempatan ialah khazanah pelbagai ilmu pengetahuan . Untuk kesan berpanjangan, kearifan tempatan perlu dipelihara, diimarah dan dilestarikan; dengan menjadikannya disiplin ilmu di institusi pengajian tinggi, lengkap dengan governan ilmu dan mesin epistemik yang ampuh. Juga, organisasi pejuangnya perlu membuat jaringan serantau dan antarabangsa.

Selain sarjana di akademia, kearifan tempatan juga boleh dan perlu dipugar dan dilestarikan oleh para pengarang. Melalui kekuatan imaginasi dan daya kreatif mereka, aspek-aspek dan unsur-unsur tertentu dalam khazanah kearifan tempatan kita pasti dapat diungkap semula dalam bentuk karya sastera semasa.

## Rujukan

- Antweiler, C. (1998). "Local Knowledge and Local Knowing." *Anthropos* **93**: 469-494.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations. (n.d.). "What is local knowledge?", FAO Website for Gender, Agrobiodiversity and Local Knowledge. Retrieved August 24, 2011 from [www.fao.org/sd/links](http://www.fao.org/sd/links)
- Geertz, Clifford. (1983) *Local Knowledge: Further Essays in Interpretive Anthropology*.
- Holmes, K. & Crossley, M. (2004): 'Whose Knowledge, Whose Values? The Contribution of Local Knowledge to Educational Policy Processes: A Case Study of Research Development Initiatives in the Small State of Saint Lucia'. *Compare: A Journal of Comparative Education*, 34(1): 197-218
- Md. Salleh Yaapar. (2007). "Daripada Pantun kepada *Pantoum*: Sumbangan Sastera Melayu terhadap Sastera Dunia" ("From *Pantun* to *Pantoum*: The Contribution of Malay Literature to World Literature"), in *Debat Kesusasteraan Dunia (Debating World Literature)*, ed. Christopher Prendergast. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 447-486.
- Sillitoe, P. (1998). "What Know Natives? Local Knowledge in Development,." *Social Anthropology* **6**(2): 203-220.
- Warburton, H. & Martin, A.M. (1999). *Local people's knowledge. Best practice guideline. Socio-Economic Methodologies Programme. London*, DFID.
- World Bank Website on indigenous knowledge: [www.worldbank.org/afr/ik/what.htm](http://www.worldbank.org/afr/ik/what.htm)

